



SIARAN MEDIA

PENINGKATAN KES JANGKITAN 2019-nCoV: KDYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG TITAH KESEMUA MASJID DI NEGARA MENGADAKAN SOLAT HAJAT

Kuala Lumpur, 28 Januari, 2020 - KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah hari ini menitahkan agar kesemua masjid di negara mengadakan solat hajat dan doa selamat bagi memohon ihsan daripada Allah S.W.T untuk memelihara negara dan rakyat daripada sebarang penyakit-penyakit yang tidak diingini berikutan peningkatan penularan wabak Novel Koronavirus (2019-nCoV) di China dan negara-negara lain, termasuk Malaysia.

Menurut Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Dato' Ahmad Fadil Shamsuddin, Seri Paduka Baginda sentiasa mengikuti perkembangan terkini berkenaan wabak ini dan amat prihatin dan bimbang dengan keselamatan diri dan kesihatan rakyat yang berada di Malaysia serta di luar negara susulan peningkatan jumlah kes positif jangkitan 2019-nCoV dan kematian di seluruh kawasan yang terjejas di China.

"Seri Paduka Baginda menyeru kepada rakyat untuk memperbanyakkan doa agar Malaysia dan dunia dilindungi dari wabak berkenaan serta memudahkan pihak-pihak berkuasa tempatan dan di kawasan-kawasan yang terjejas menangani gejala wabak ini semoga situasi kehidupan insan dapat dipulihkan seperti sedia kala.

"Al-Sultan Abdullah turut mengulangi nasihat terdahulu Baginda kepada rakyat untuk sentiasa mendapatkan perkembangan dan maklumat terkini wabak 2019-nCoV hanya dari saluran-saluran rasmi Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi kerajaan serta media arus perdana dan bukannya dari sumber tidak sahih yang boleh mencetuskan rasa cemas atau mengganggu ketenteraman dalam kalangan rakyat," kata Dato' Ahmad Fadil.

Dato' Ahmad Fadil berkata Seri Paduka Baginda turut sekali lagi menyeru rakyat untuk sentiasa mengikuti nasihat dan saranan langkah pencegahan dan amalan kesihatan seperti yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan.

Istana Negara

28 Januari 2020

* Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut, sila hubungi Ketua Unit Komunikasi Istana Negara, En. Muzli Mohd Zin, di 019-389 7022 atau Pegawai Perhubungan Awam, En. Mohd Husni Yusop, di 012-469 7758.